



2 Januari 2013
2 January 2013
P.U. (A) 2

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI) (TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK) 2013

INCOME TAX (INDUSTRIAL BUILDING ALLOWANCE) (CHILD CARE CENTRE) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI)
(TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 80 Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Taman Asuhan Kanak-Kanak) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“dilakukan” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya dalam perenggan 55 Jadual 3 Akta;

“dilupuskan” ertinya pelupusan bangunan industri atau berlakunya apa-apa keadaan yang berikut:

(a) penjualan, pindah milik atau penyerahhakan bangunan itu;

(b) perobohan atau pemusnahan bangunan itu; atau

(c) bangunan itu terhenti digunakan bagi maksud yang ditetapkan dalam kaedah 3;

“orang” ertinya seorang individu atau suatu syarikat yang menjalankan perniagaan taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*];

“perbelanjaan bangunan yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang telah dilakukan oleh seseorang bagi maksud perniagaan taman asuhan kanak-kanak ke atas pembinaan atau pembelian suatu bangunan industri.

Bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, suatu bangunan yang dibina atau dibeli oleh seseorang yang berhubung dengannya bahawa—

(a) orang itu ialah pemilik bangunan itu; dan

(b) bangunan itu digunakan oleh orang itu bagi maksud perniagaan taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat,

hendaklah dianggap sebagai suatu bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta.

Pemakaian

4. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi seseorang berkenaan dengan perbelanjaan bangunan yang layak yang dilakukan oleh orang itu bagi maksud perniagaannya yang berhubung dengan pembinaan dan pembelian suatu bangunan yang disebut dalam kaedah 3.

Elaun bangunan industri

5. (1) Amaun elaun di bawah perenggan 80 Jadual 3 Akta hendaklah dibenarkan kepada orang yang disebut dalam kaedah 4 bersamaan dengan satu persepuluh perbelanjaan bangunan yang layak bagi suatu tahun taksiran dan bagi setiap sembilan tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Jika bahagian suatu bangunan itu digunakan sebagai suatu bangunan industri dan bahagian lain bangunan tidak digunakan sedemikian, maka, jika perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembinaan bahagian yang tidak digunakan sedemikian itu tidak lebih daripada satu persepuluh perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembinaan keseluruhan bangunan itu, bangunan itu hendaklah dianggap sebagai suatu bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta.

(3) Jika keseluruhan atau sebahagian daripada perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembinaan bahagian yang tidak digunakan sedemikian tidak boleh dikenal pasti sebagai perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas keseluruhan bangunan, perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas keseluruhan bangunan atau sebahagiannya yang tidak boleh dikenal pasti sebagai dilakukan ke atas bahagian bangunan masing-masing hendaklah dibahagikan mengikut rujukan kepada keluasan lantai masing-masing bagi bahagian-bahagian itu atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika bangunan industri yang digunakan bagi maksud suatu perniagaan atau suatu aktiviti taman asuhan kanak-kanak yang disebut dalam perenggan (3)(b) juga digunakan bagi maksud suatu perniagaan atau suatu aktiviti selain perniagaan atau aktiviti itu, maka elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira takat bangunan industri itu digunakan bagi maksud perniagaan atau aktiviti taman asuhan kanak-kanak yang disebut dalam perenggan (3)(b).

(5) Jika orang itu telah melakukan perbelanjaan bangunan yang layak berhubung dengan suatu bangunan industri dan bangunan itu dilupuskan dalam tempoh dua tahun dari tarikh perbelanjaan bangunan yang layak telah dilakukan—

(a) apa-apa elaun yang tergolong boleh diberikan tetapi di bawah subkaedah ini tidak boleh diberikan; dan

(b) jika apa-apa elaun sedemikian telah diberikan,

suatu kenaikan imbalan dalam suatu aman bersamaan dengan elaan itu hendaklah dibuat ke atas orang itu bagi tahun takhsiran dalam tempoh asas bangunan itu dilupuskan.

Dibuat 28 Disember 2012

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(S).10); LHDN.01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (INDUSTRIAL BUILDING ALLOWANCE) (CHILD CARE CENTRE)
RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) and paragraph 80 of Schedule 3 to the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Industrial Building Allowance) (Child Care Centre) Rules 2013**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2013 and subsequent years of assessment.

Interpretation

2. (1) In these Rules—

“incurred” has the same meaning assigned to it in paragraph 55 of Schedule 3 to the Act;

“disposed of” means the disposal of the industrial building or the occurrence of any of the following events:

(a) the sale, transfer or assignment of the building;

(b) the demolition or destruction of the building, or

(c) the building ceases to be used for the purposes prescribed in rule 3;

“person” means an individual or a company carrying on the business of a child care centre registered with the Department of Social Welfare under the Child Care Centre Act 1984 [*Act 308*];

“qualifying building expenditure” means the capital expenditure incurred by a person for the purpose of a child care centre business on the construction or purchase of an industrial building.

Industrial building for the purposes of Schedule 3 to the Act

3. In these Rules, a building which is constructed or purchased by a person where—

(a) that person is the owner of that building; and

(b) that building is used by that person for the purpose of a business of a child care centre registered with the Department of Social Welfare,

shall be treated as an industrial building for the purposes of Schedule 3 to the Act.

Application

4. These Rules shall apply to a person in respect of the qualifying building expenditure incurred by the person for the purpose of his business relating to the construction or purchase of a building referred to in rule 3.

Industrial building allowance

5. (1) An amount of allowance under paragraph 80 of Schedule 3 to the Act shall be allowed to a person referred to in rule 4 equal to one-tenth of the qualifying building expenditure for a year of assessment and for each of the following nine years of assessment.

(2) Where part of the building is used as an industrial building and the other part of the building is not so used, then, if the capital expenditure incurred on the construction of the part which is not so used is not more than one tenth of the capital expenditure incurred on the construction of the whole building, the building shall be treated as an industrial building for the purpose of Schedule 3 to the Act.

(3) Where the whole or some of the capital expenditure incurred on the construction of the part not so used is not identifiable as the capital expenditure incurred on the whole building, the capital expenditure incurred on the whole building or part thereof not identifiable as incurred on the respective part of the building shall be apportioned by reference to the respective floor areas of those respective parts or in such other manner as the Director General may direct.

(4) Where the industrial building which is used for the purpose of a business or activity of a child care centre referred to in paragraph (3)(b) is also used for the purpose of a business or an activity other than that business or activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the industrial building is used for the purpose of the business or activity of a child care centre referred to in paragraph (3)(b).

(5) Where a person has incurred qualifying building expenditure in relation to an industrial building and the building is disposed of within two years from the date the qualifying building expenditure was incurred —

(a) any allowance which falls to be made but for this subrule shall not be made; and

(b) where any such allowance has been made,

a balancing charge in an amount equal to such allowance shall be made on the person for the year of assessment in the basis period for which the building was disposed of.

Made 28 December 2012

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(S).10); LHDN.01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]